



# LEMBAGA GETAH MALAYSIA

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia** dan berdaftar dibawah kod bidang yang berkaitan serta sijil-sijil yang masih belum tamat tempoh sah untuk membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut:-

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
<b>LGM/SH/UPPF/3/2021</b>	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KESELURUHAN BANGUNAN, HOUSEKEEPING, KAWASAN LUAR BERPAGAR DAN PENYENGGARAA N LANDSKAP UNTUK AKADEMI HEVEA MALAYSIA (AHM), LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM), DI LOT 1736, PERSIARAN PUTRA, 07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN (BAGI TAHUN 2021-2022)	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>  i) 221001 - Pembersihan Bangunan Dan Pejabat  <b>dan</b> ii) 221002 - Membersih Kawasan  <b>dan</b> iii) 221003 - Mengangkat Sampah  <b>dan</b> iv) 221005 – Mencuci Kolam Renang  Bertaraf Bumiputera	<b><u>Taklimat</u></b> Tarikh : <b>1 Julai 2021 (Khamis)</b> Masa : <b>10.00 pagi</b> Kaedah : <b>Taklimat Secara Dalam Talian. Sila daftar di laman web ini</b> <a href="https://zoom.us/join/https://zoom.us/meeting/register/tJYof-6hqzlrHtSU2lpssVJIQiWo0llwBFrL">https://zoom.us/meeting/register/tJYof-6hqzlrHtSU2lpssVJIQiWo0llwBFrL</a> <b>(rujuk m/s 2)</b>  <b><u>Jualan</u></b> Tarikh : <b>4 – 11 Julai 2021</b> Masa : 9.00 pagi – 1.00 petang Tempat : Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Lot 1736, Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman.  Pertanyaan lanjut berkaitan pembelian dokumen : 1. Cik Hazlin binti Hariri (UPPF – AHML) No. Tel. : 04-9665252 Alamat e-mel : <a href="mailto:hazlin@lgm.gov.my">hazlin@lgm.gov.my</a> 2. Puan Nur Ain Haryani binti Abd Basar (UPER) No. Tel. : 03-92062062  Pertanyaan lanjut berkaitan butiran sebut harga : Cik Nur Sheila binti Zabiri Alamat e-mel : <a href="mailto:nursheila@lgm.gov.my">nursheila@lgm.gov.my</a>
<b>Kehadiran Ke Sesi Taklimat Secara Dalam Talian Adalah DIWAJIBKAN</b>			

Hanya penama yang tercatat di dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat secara dalam talian. Kehadiran adalah terhad kepada dua (2) penama bagi satu (1) syarikat.

Penama boleh mewakili mana-mana individu sebagai wakil syarikat dengan mengemukakan surat lantikan perwakilan rasmi bagi pembelian dokumen sebut harga.

Penama/Wakil yang dilantik dikehendaki membawa cop syarikat dan sijil berkaitan di atas berserta sijil taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera), Surat Akaun Pendaftaran Sales & Service Tax (SST) (jika ada) dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan ketika membeli dokumen sebut harga. Segala kos berhubung permohonan sebut harga ini adalah ditanggung oleh pemohon.

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu yang ditetapkan dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran secara wang tunai / cek tidak diterima. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf / Wang Pos) atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA** atau pindahan elektronik ke akaun berikut (**sila sertakan slip bukti pembayaran**):-

Nama Akaun : LEMBAGA GETAH MALAYSIA KUTIPAN  
No Akaun : 8000537541  
Bank : CIMB Wisma Genting  
Swift Code : CIBBMYKLXXX

Dokumen Sebut Harga yang dihantar perlu dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dicatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan **sebelum atau pada 15 Julai 2021, jam 12.00 tengah hari.**

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**Unit Perolehan dan Kontrak, Tingkat 8,**  
**Bangunan Getah Asli (Menara),**  
**No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.**  
**(Peti No. 1 & 2)**

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan. Lembaga Getah Malaysia juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung penyediaan dokumen sebut harga ini, tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan memberikan apa-apa maklum balas sebab sebut harga itu ditolak. Sebarang keputusan adalah muktamad.

24/6/2021- laman web

### **PERKARA / LAMPIRAN YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN**

- 1. Hanya Penyebut harga yang menyertai sesi Taklimat Lawatan Tapak Secara Dalam Talian sahaja layak untuk membeli dokumen sebut harga.**
- 2. Pendaftaran dibuka sehingga 30 Jun 2021, 4.30 petang.** Setelah mendaftar, e-mel pengesahan yang mengandungi maklumat mengenai menyertai taklimat akan dihantar. **Sebarang pendaftaran selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.**
3. Muka Surat 3 - 4 – Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Mengenai Tawaran Tender/Sebut Harga.

## **PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN MENGENAI TAWARAN TENDER/SEBUT HARGA**

- 1- Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat. Kehadiran adalah terhad kepada dua (2) penama bagi satu (1) syarikat.
- 2- Penama boleh mewakili mana-mana individu sebagai wakil syarikat dengan mengemukakan surat lantikan perwakilan rasmi untuk membeli dokumen sebut harga.
- 3- Tidak dibenarkan sama sekali untuk membuat pindaan / pengubahsuaian pada dokumen sebut harga / tender. Perlu dikemukakan dalam susunan yang sama. Sekiranya ada maklumat tambahan / ruangan borang tidak mencukupi, sila buat lampiran di bahagian belakang dokumen sebut harga / tender.
- 4- Tidak dibenarkan sama sekali menulis / mengecop nama syarikat pada Buku 1.
- 5- Sila pastikan syarat / kod bidang dipenuhi / syarat Bumiputera (yang berkaitan) dikekalkan sepanjang tempoh sebut harga / tender.
- 6- Sila pastikan dokumen-dokumen yang berkaitan disertakan walaupun pernah menyertai sebut harga / tender LGM.
- 7- Sila pastikan semua borang pada dokumen sebut harga / tender diisi sepenuhnya dan dengan lengkap.
- 8- Sila pastikan maklumat yang ditulis / dicetak pada dokumen sebut harga / tender mudah dibaca dan difahami.
- 9- Semua dokumen yang hendak diserahkan mestilah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (teknikal).
- 10- Penyebut harga / petender perlu memberi perhatian berkaitan LAD sekiranya ada.
- 11- Penyebut harga / petender perlu beri perhatian tempoh masa penyiapan bagi sebut harga / tender.
- 12- Penyebut harga / petender yang berdaftar dengan pihak KASTAM bagi pengenaan *Sales & Service Tax* (SST) adalah wajib memasukkan nilai SST di dalam Jadual Harga (buku 2). Pihak LGM berhak membatalkan tawaran jika didapati nilai SST tidak dimasukkan dalam tawaran harga.

- 13- Penyebut harga / petender perlu beri perhatian mengenai tawaran harga yang dikemukakan dengan mengambil kira semua jenis cukai termasuk apa-apa cukai berkaitan dengan barangan yang diimport.
- 14- Kos penyediaan sebut harga / tender dan penyediaan dokumen ditanggung sendiri oleh penyebut harga / petender.
- 15- Setiap Penyebut harga / Petender hanya dibenarkan membeli satu dokumen sebut harga / tender dan mengemukakan satu tawaran sebut harga / tender sahaja.
- 16- Penyebut harga / petender perlu memberi satu tawaran harga sahaja berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan.
- 17- Sila pastikan dokumen sebut harga / tender dimasukkan ke dalam peti sebut harga / tender sebelum atau pada tarikh tutup dan dimasukkan ke peti sepertimana dinyatakan di dalam iklan pelawaan. Dokumen sebut harga / tender yang diterima selepas dari waktu dan tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.
- 18- Sekiranya ada mana-mana pihak cuba untuk menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota LGM, aduan serta merta akan dibuat kepada pihak SPRM.